

Kuiz Pelaburan PNB 2021

Pendapatan pasif ialah pendapatan yang terhasil tanpa kita perlu bekerja keras untuk memilikinya dan antara kaedah utama untuk menjana pendapatan pasif ialah menerusi pelaburan.

Menerusi pelaburan, kita berpeluang menerima keuntungan menerusi dividen dan keuntungan inilah yang akan menambah kepada wang yang kita laburkan.

Oleh kerana wang yang dilaburkan menjana keuntungan, ia dianggap ‘bekerja’ untuk pemiliknya.

Antara cara paling mudah untuk melabur ialah dengan mengetepikan sejumlah kecil daripada gaji bulanan, mungkin antara 5-10 peratus untuk dilaburkan.

Amalkan kaedah labur dahulu baru belanja untuk pelaburan secara konsisten.

Apabila pelaburan dilakukan secara konsisten untuk satu tempoh tertentu, wang yang dilaburkan berpeluang untuk berkembang sehingga berkali ganda dengan syarat, wang berkenaan dan dividen tidak dikeluarkan.

Sebagai contoh, pelaburan bulanan RM50 selama lima tahun dalam instrumen pelaburan yang memberi purata dividen

Melabur untuk jana pendapatan pasif



Sediakan payung sebelum hujan, justeru pastikan wang dilaburkan supaya ia boleh digunakan sebagai sumber kewangan waktu kecemasan atau untuk merealisasikan impian.

amatlamat yang ditetapkan.

Katakan, matlamat Ahmad ialah mengumpul wang sebanyak RM10,000 untuk perkahwinannya dan hari bahagia berkenaan bakal diadakan dalam tempoh tiga tahun lagi.

Dengan andaian purata pulangan tahunan ialah empat peratus setahun, Ahmad perlu melabur antara RM250 hingga RM300 setiap bulan untuk mengumpul RM10,000 dalam tempoh tiga tahun.

Syarat utama untuk mencapai matlamat berkenaan ialah pelaburan konsisten dan modal serta dividen tidak boleh dikeluarkan.

Namun begitu, jika Ahmad lebih berani dan inginkan keuntungan tinggi, dia boleh memilih untuk melabur dalam produk pelaburan berisiko tinggi.

Bagaimanapun, harus diingat apabila memilih produk pelaburan dalam kategori ini, risiko kerugian juga adalah tinggi.

Jadi sebelum beralih kepada pelaburan berisiko tinggi seperti pasaran saham, pastikan anda sudah mempunyai akaun pelaburan berisiko rendah yang mewakili sekurang-kurangnya enam bulan gaji sedia ada sebagai jaminan kewangan sekiranya berlaku perkara luar dugaan.

tahunan sebanyak empat peratus, akan membolehkan pelabur mengumpul kira-kira RM3,300, yang mana RM300 daripadanya adalah keuntungan daripada pelaburan.

Bagaimanapun, sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan, pelabur perlu melihat kepada risiko yang perlu ditanggung.

Justeru sekiranya matlamat pelaburan ialah menjana pendapatan pasif berterusan, pilihlah melabur dalam produk pelaburan berisiko rendah.

Ini kerana apabila melabur dalam produk pelaburan berisiko rendah seperti Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan deposit tetap, pelabur tidak berdepan kemungkinan kehilangan modal atau kerugian.

Pelaburan dalam produk berisiko rendah juga memudahkan pelabur merancang kewangan selari dengan

KUIZ PELABURAN PNB 2021

#capaikemerdekaankewangan

SOALAN-SOALAN

MELINTANG

- secara mudahnya ialah menyimpan wang untuk tujuan keselamatan dan ia boleh dikeluarkan pada bila-bila masa.
- Dividen ialah daripada pelaburan yang akan menambah kepada modal asal yang dilaburkan. Katakan Ali melabur RM100 dan selepas setahun, dia menerima dividen sebanyak 5 peratus, menjadikan wang Ali bertambah kepada RM105.

MENEGAK

- akan menyebabkan nilai wang yang disimpan dan tidak dilaburkan semakin mengecil selepas satu tempoh tertentu
- Elaun atau duit belanja boleh dimasukkan ke dalam selepas dilaburkan untuk mendapat pulangan/dividen.
- Kuasa faedah akan mengembangkan wang yang dilaburkan jika wang berkenaan dan dividen yang diterima tidak dikeluarkan untuk satu tempoh yang panjang.
- ASB ialah unit amanah harga Ini menjadikannya produk pelaburan berisiko rendah yang sesuai untuk pelaburan jangka panjang dan membina tabungan pendidikan, kecemasan, perkahwinan dan persaraan.

Online KATEGORI REMAJA (13 - 17 Tahun)

Hadirah untuk dimenangi Pertama

3X RM1,000

KEDUA **5x RM700** **KETIGA** **7x RM500**

KEEMPAT **20x RM250** **KELIMA** **30x RM200**

Saguhati : 50 x RM100

KAEDAH PENYERTAAN

- Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 13 tahun - 17 tahun.
- Borang Penyertaan untuk Kuiz Pelaburan PNB Kategori Remaja boleh diakses di www.asnb.com.my. Peserta perlu menjawab secara dalam talian (on-line).
- Borang penyertaan yang diterima selepas tarikh tutup akan ditolak.
- Tiada had penyertaan, bagaimanapun seorang peserta hanya layak memenangi satu hadiah sahaja.
- Pemilihan pemenang adalah berdasarkan jawapan yang betul dan akan dibuat menggunakan sistem pemilihan yang telah ditetapkan pengatur. Keputusan pemenang adalah mutlak.
- Terma dan syarat lanjut peraduan di www.asnb.com.my

Tarikh tutup penyertaan : 22 Ogos 2021



www.asnb.com.my
Imbas untuk jawab dan penyertaan



PNB
KUIZ
Pelaburan



ASNB
AMERICAN SAVING NATIONAL BANK



AHLI
FEN
FINANCIAL EDUCATION NETWORK